

21/07/1999

Pensyarah IPT dinasihat elak berpolitik

SERDANG, Selasa - Pensyarah institusi pengajian tinggi (IPT) dinasihatkan supaya memberi tumpuan penuh kepada tugas hakiki dan mengelak daripada berpolitik, terutama menghasut pelajar supaya membenci dan menentang kerajaan.

Mereka juga perlu sentiasa peka dengan dasar kerajaan dan mematuhi kehendak universiti seperti termaktub dalam syarat perkhidmatan serta tidak melakukan sesuatu yang boleh dianggap sebagai 'tidak bertanggungjawab'.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim, berkata pensyarah yang melakukan sesuatu dikelaskan 'tidak bertanggungjawab' boleh didakwa dan dikenakan hukuman setimpal jika sabit kesalahan.

Katanya, pensyarah sepatutnya sentiasa peka akan dasar kerajaan kerana mereka mempunyai banyak sumber maklumat sama ada melalui akhbar atau media lain untuk mengetahui perkara sebenar berkaitan sesuatu isu.

"Di peringkat UPM, saya serta dekan atau ketua jabatan mengadakan mesyuarat mingguan setiap Isnin untuk menjelaskan sebarang kekeliruan dan mendengar masalah berbangkit mengenai semua hal, termasuk politik.

"Nota mesyuarat ini disampaikan kepada semua pensyarah menerusi UPMNet supaya maklumat yang mereka peroleh terkini dan tidak timbul masalah pensyarah tidak mengetahui dasar kerajaan serta universiti," katanya ketika ditemui selepas menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara UPM dan Nanyang Technological University (NTU), Singapura, di sini hari ini.

Hadir sama Presiden NTU, Dr Cham Tao Soon dan Pengarah, Hubungan Antarabangnya, Prof Brian Lee.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin bahawa terdapat pensyarah IPT yang menghasut pelajar membenci kerajaan termasuk menyamakan pemimpin dengan Firaun.

Di UPM, Dr Jalaludin berkata, belum ada kes pensyarah didakwa kerana melanggar syarat perkhidmatan terutama yang menjalankan kegiatan menyokong pembangkang atau menghasut pelajar supaya membenci kerajaan.

"Setakat ini belum ada laporan sama ada daripada Ketua Jabatan, Dekan ataupun pelajar sendiri berkenaan tindakan pensyarah menghasut pelajar supaya membenci kerajaan semasa kuliah, tutorial, seminar dan sebagainya.

"Jika ada laporan, kita akan membuat siasatan dan mengenakan hukuman yang sewajarnya jika terbukti mereka melanggar syarat perkhidmatan seperti yang termaktub dalam surat pelantikan masing-masing," katanya.

(END)